

## Hubungan Tingkah Laku Kesediaan Pensyarah Dengan Tahap Motivasi Pelajar

Adibah Binti Abdul Latif & Fatimah Harlina Mohd Taib  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji perhubungan di antara tingkah laku kesediaan pensyarah secara lisan atau bukan lisan dan tahap motivasi pelajar. Kajian ini juga dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan tahap motivasi pelajar merentas jantina. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Satu set soal selidik yang mengandungi 50 item soalan dibina dan diambil daripada kajian yang terdahulu, telah digunakan untuk mengukur perhubungan tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dalam bentuk tinjauan yang melibatkan 81 orang pelajar tahun dua dan tahun tiga bagi kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Jentera (SPA, SPE dan SPJ), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Nilai pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi instrumen kajian ini adalah 0.94. Data telah dianalisis dengan menggunakan perisian komputer melalui program Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows version 16.0. Pengujian bagi hipotesis kajian telah dilakukan dengan menggunakan kaedah pengujian korelasi Pearson dan pengujian-t. Keputusan kajian mendapati terdapat perhubungan yang signifikan di antara tingkah laku kesediaan pensyarah secara bukan lisan dan tahap motivasi pelajar. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara tingkah laku kesediaan pensyarah secara lisan dan tahap motivasi pelajar. Seterusnya, dapatan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap motivasi yang signifikan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

*Katakunci:* tingkah laku kesediaan pensyarah, tahap motivasi pelajar

### Pengenalan

Satu perhubungan telah dikenal pasti di antara pembelajaran, motivasi dan kesediaan pengajaran di mana apabila guru atau pengajar yang mengaplikasikan pendekatan pengajaran sama ada secara lisan atau bukan lisan terhadap pelajar, pembelajaran akan berlaku dan meningkat. Ini dapat diperhatikan di mana di samping pengajar menyebarkan atau mencurahkan ilmu pengetahuan kepada pelajar, terdapat tumpuan atau perhatian yang diberikan mengenai perhubungan di antara pelajar dan pengajar.

### Pernyataan Masalah

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji perhubungan di antara tingkah laku kesediaan pengajaran pensyarah dan tahap motivasi pelajar tahun dua dan tahun tiga bagi kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Jentera (SPA, SPE dan SPJ), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Penyelidikan ini juga dijalankan bertujuan untuk mengkaji perhubungan di antara tingkah laku kesediaan pensyarah secara lisan atau bukan lisan dengan tahap motivasi pelajar di samping melihat perbezaan tahap motivasi pelajar yang berlainan jantina.

## **Objektif Kajian**

- i. Mengenal pasti perhubungan di antara tingkah laku kesediaan pensyarah secara lisan dan tahap motivasi pelajar.
- ii. Mengenal pasti perhubungan di antara tingkah laku kesediaan pensyarah secara bukan lisan dan tahap motivasi pelajar.
- iii. Mengenal pasti perbezaan tahap motivasi pelajar merentas jantina.

## **Kepentingan Kajian**

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai beberapa kepentingan sama ada kepada penyelidik atau pihak-pihak yang terlibat. Kepentingan sesuatu kajian memberi implikasi yang besar dalam memperbaiki sesuatu masalah atau situasi bagi kajian yang dijalankan. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini juga turut mempunyai beberapa kepentingan yang boleh dimanfaatkan oleh pihak-pihak tertentu dalam meningkatkan tahap perkembangan pendidikan di negara ini.

### **1 Kepentingan kepada Penyelidik**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti apakah tingkah laku kesediaan pengajaran yang kerap diaplikasikan oleh pensyarah di institusi pengajian tinggi dan perhubungannya terhadap tahap motivasi pelajar di dalam kelas.

Kajian ini juga dijalankan untuk mengetahui jenis tingkah laku kesediaan pensyarah yang dapat mengubah tahap motivasi pelajar di dalam kelas yang mana dapat mempengaruhi pelajar untuk memberikan tumpuan dan perhatian terhadap sesuatu subjek atau pengajaran yang dilakukan. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk mengetahui perbezaan tahap motivasi antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan di institusi pengajian tinggi.

### **2 Kepentingan kepada Pihak Pentadbiran Fakulti atau Universiti**

Berdasarkan data-data yang dianalisis daripada kajian yang dijalankan, perhubungan di antara tingkah laku kesediaan pensyarah dan tahap motivasi pelajar dapat diketahui. Justeru itu, hasil kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pihak pentadbiran universiti, para pensyarah, kaunselor dan mana-mana pihak yang terlibat untuk mengambil langkah yang sewajarnya dalam meningkatkan tahap motivasi pelajar dan seterusnya membantu pelajar untuk memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang. Langkah-langkah susulan perlulah dirancang oleh pihak yang berkenaan berdasarkan sumber-sumber yang diperolehi bagi menghasilkan masyarakat yang cemerlang.

### **3 Kepentingan kepada Guru, Bakal Guru dan Pensyarah**

Kajian ini juga diharap akan dapat memberi kesedaran kepada semua guru dan bakal guru serta pensyarah di Malaysia akan kepentingan tingkah laku kesediaan dan motivasi di dalam kelas yang merupakan antara agenda yang perlu ada ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Oleh itu, semua guru dan pensyarah perlulah memastikan bahawa tingkah laku kesediaan pengajaran yang bersesuaian diaplikasikan bagi meningkatkan tahap motivasi pelajar supaya mereka dapat memberikan tumpuan dan berminat untuk turut serta dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.

Kajian ini juga diharapkan dapat menjelaskan perkaitan isu-isu yang dikaji agar dapat dimanfaatkan oleh semua pihak bagi kepentingan perkembangan pendidikan negara yang merupakan salah satu aset penting bagi negara.

## **Batasan Kajian**

Kajian ini dibataskan kepada pelajar tahun dua dan tahun tiga bagi kursus SPA, SPE dan SPJ dari Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini diskopkan di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia bagi tujuan memudahkan penyelidik mendapatkan dan mengumpul data yang diperlukan dalam menjalankan kajian yang dirancang.

Segala proses penganalisan data dan dapatan kajian adalah berdasarkan kepada kajian yang dibuat terhadap kumpulan ini. Penyelidik menganggap segala data yang diperolehi adalah benar dan ikhlas untuk menggambarkan keadaan sebenar dalam usaha untuk mencapai objektif kajian.

## **Metodologi**

### **Subjek Kajian**

Kajian yang berkesan mempunyai bilangan populasi dan sampel yang mampu mewakili subjek yang ingin dikaji. Oleh itu, pemilihan populasi dan sampel merupakan salah satu elemen yang penting dalam menjalankan sesuatu kajian.

Populasi merangkumi tiap-tiap ahli yang terdapat dalam populasi itu. Manakala sampel ialah ahli-ahli kumpulan yang dipilih secara rawak daripada populasi untuk mengkaji sifat atau parameter populasi (Alias Baba, 1992) dalam (Siti Noorshahliza, 2002). Populasi bagi kajian ini adalah pelajar-pelajar tahun dua dan tahun tiga bagi kursus pengajian Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Jentera (SPA, SPE dan SPJ) daripada Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

### **Pemilihan Sampel dan Rekabentuk Persampelan**

Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada persampelan rawak. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999) persampelan rawak adalah merupakan proses mengambil sampel daripada populasi yang dikaji di mana setiap individu dalam populasi tersebut mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel dalam kajian ini.

Persampelan rawak jenis rawak mudah telah digunakan dalam kajian ini. Setiap sampel dipilih adalah berdasarkan kepada kursus pengajian di mana seramai 12 orang pelajar dipilih daripada setiap kursus pengajian bagi pelajar tahun dua manakala 15 orang pelajar dipilih daripada setiap kursus pengajian bagi pelajar tahun tiga. Seterusnya sampel dipilih secara rawak dengan menggunakan kaedah undian bagi setiap kursus pengajian.

### **Instrumen Kajian**

Menurut Teakman (1978) dalam Siti Noorshahliza (2002), instrumen berbentuk soal selidik dan temu bual merupakan dua cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden selain daripada membuat pemerhatian terhadap tingkah laku mereka.

Bagi kajian yang dijalankan, instrumen kajian berbentuk soal selidik telah digunakan dan soal selidik ini mempunyai tiga bahagian seperti berikut:

- i. Bahagian satu – demografi responden
- ii. Bahagian dua – tingkah laku kesediaan pensyarah secara bukan lisan dan secara lisan

iii. Bahagian tiga – tahap motivasi pelajar terhadap kelas yang dinilai

### **1 Bahagian Satu – Demografi Responden**

Bahagian ini mengandungi tiga item yang berkaitan dengan diri responden seperti jantina, tahun pengajian dan kursus pengajian. Tujuan bahagian ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang sesuai yang boleh digunakan untuk tujuan perbandingan bagi kajian yang dijalankan. Bahagian ini akan menjawab mengenai bilangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan yang terlibat dalam kajian ini.

### **2 Bahagian Dua – Tingkah laku Kesediaan Pensyarah secara Bukan Lisan dan secara Lisan**

Bahagian ini mengandungi 20 item yang berkaitan dengan tingkah laku kesediaan pensyarah secara bukan lisan dan 15 item yang berkaitan dengan tingkah laku kesediaan pensyarah secara lisan. Setiap item dalam bahagian ini menerangkan mengenai tingkah laku kesediaan pengajaran secara bukan lisan dan secara lisan yang dipraktikkan oleh pensyarah ketika di dalam kelas.

Bagi item yang mengukur kekerapan pensyarah mengaplikasi tingkah laku kesediaan pengajaran secara bukan lisan dalam kelas, penyelidik telah mengambil beberapa item daripada penyelidikan yang dijalankan oleh Richmond, Gorham dan McCroskey (1987) sebagai panduan dalam pembinaan item bagi instrumen soal selidik ini.

Penyelidik juga telah menggunakan item daripada penyelidikan yang dijalankan oleh Gorham (1988) sebagai panduan dalam pembinaan item yang mengukur kekerapan pengaplikasian tingkah laku kesediaan pensyarah secara lisan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Bahagian ini menggunakan skala Likert lima pilihan di mana pilihan tersebut adalah berdasarkan kepada kekerapan. Skala Likert mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi sehingga 85% (Oppenheim, 1967) dalam (Muhamad Yusof, 1998).

### **3 Bahagian Tiga – Tahap Motivasi Pelajar**

Bahagian ini mengandungi 13 item yang berkaitan dengan tahap motivasi pelajar terhadap kelas yang dinilai. Item bagi bahagian ini diambil daripada penyelidikan yang dijalankan oleh Christophel (1990) bagi mengukur tahap motivasi pelajar. Setiap item dalam bahagian ini mewakili perasaan pelajar di mana perasaan pelajar ini dapat dirujuk sebagai tahap motivasi pelajar terhadap kelas yang dinilai. Bahagian ini menggunakan skala perbezaan semantik tujuh pilihan di mana responden hanya perlu menandakan pilihan yang dapat menggambarkan perasaan mereka terhadap kelas yang dinilai.

Semakin besar nilai yang dipilih, semakin negatif perasaan yang digambarkan oleh pelajar terhadap kelas yang dinilai. Markah tersebut akan dinilai untuk menentukan jumlah skor dan digredkan mengikut tiga tahap motivasi responden iaitu, tinggi, sederhana dan rendah.

### **Kajian rintis**

Sebelum kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis hendaklah dijalankan. Kajian rintis ini dijalankan bertujuan untuk menentukan ciri-ciri soalan yang perlu diubah suai atau dikekalkan (Mohamad Najib, 1999).

Kajian rintis juga dijalankan untuk memenuhi beberapa tujuan iaitu menguji kefahaman responden terhadap struktur ayat dan item-item tertentu dalam soal selidik ini di samping meninjau masalah yang akan timbul sebelum kajian sebenar dijalankan.

Menurut Mohd. Majid (1998) dalam Siti Noorshahliza (2002), tiada batasan khusus yang boleh digunakan bagi menentukan pekali kebolehpercayaan yang sesuai bagi sesuatu alat ukur tetapi kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 sering digunakan.

Bagi menjalankan kajian rintis, soal selidik ini diedarkan kepada 12 orang pelajar sebelum soal selidik sebenar diedarkan kepada subjek kajian. Pelajar-pelajar bagi kajian rintis ini terdiri daripada 6 orang pelajar lelaki dan 6 orang pelajar perempuan daripada kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup (SPH). Set soal selidik diedarkan secara rawak di mana semua pelajar mempunyai peluang untuk dipilih bagi menjawab set soalan kajian rintis ini.

Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan, didapati nilai pekali Cronbach Alpha adalah 0.94 ( $> 0.60$ ). Ini menunjukkan item bagi soal selidik ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan dalam kajian yang ingin dijalankan.

## Keputusan

### Tingkah laku Kesediaan Pensyarah Secara Bukan Lisan

**Jadual 1:** Taburan peratus, min dan sisihan piawai bagi lima item dengan nilai tertinggi berkaitan tingkah laku kesediaan pensyarah secara bukan lisan

Bil.	Item	Kekerapan (Peratus)					Min	Sisihan piawai
		Tidak pernah	Jarang	Kadang-kadang	Kerap	Sangat kerap		
3.	Pensyarah memandang kepada pelajar ketika mengajar	1 (1.2)	8 (9.9)	19 (23.5)	36 (44.4)	17 (21.0)	3.74	0.95
10.	Pensyarah mempunyai gerak badan yang tenang ketika bercakap	1 (1.2)	11 (13.6)	25 (30.9)	36 (44.4)	8 (9.9)	3.48	0.90
12.	Pensyarah menggunakan pelbagai intonasi suara ketika bercakap di dalam kelas	-	11 (13.6)	26 (32.1)	38 (46.9)	6 (7.4)	3.48	0.82
17.	Pensyarah menggunakan pergerakan tangan ketika bercakap di dalam kelas	-	13 (16.0)	26 (32.1)	33 (40.7)	9 (11.1)	3.47	0.90
19.	Pensyarah memberikan ekspresif muka yang pelbagai semasa bercakap dengan pelajar	-	12 (14.8)	34 (42.0)	27 (33.3)	8 (9.9)	3.38	0.86

**Jadual 2:** Taburan peratus, min dan sisihan piawai bagi lima item terendah berkaitan tingkah laku kesediaan pensyarah secara bukan lisan

Bil.	Item	Kekerapan (Peratus)					Min	Sisihan piawai
		Tidak pernah	Jarang	Kadang-kadang	Kerap	Sangat kerap		
18.	Pensyarah menepuk bahu atau menyentuh tangan pelajar yang sama jantina sambil bercakap dengan mereka	8 (9.9)	26 (32.1)	24 (29.6)	21 (25.9)	2 (2.5)	2.79	1.02
20.	Pensyarah tidak bersandar berhampiran dengan pelajar semasa bercakap dengan mereka.	10 (12.3)	20 (24.7)	26 (32.1)	20 (24.7)	5 (6.2)	2.88	1.11
1.	Pensyarah tidak berdiri di belakang meja ketika mengajar	6 (7.4)	20 (24.7)	34 (42.0)	10 (12.3)	11 (13.6)	3.00	1.11
2.	Pensyarah tidak menggunakan nada suara yang mendatar ketika mengajar	4 (4.9)	22 (27.2)	25 (30.9)	26 (32.1)	4 (4.9)	3.05	1.00
7.	Pensyarah tidak duduk di atas meja atau kerusi ketika mengajar	5 (6.2)	21 (25.9)	27 (33.3)	19 (23.5)	9 (11.1)	3.07	1.09

**Jadual 3:** Tahap tingkah laku kesediaan pensyarah secara bukan lisan

Tahap	Kekerapan	Peratus
Rendah	3	3.7
Sederhana	69	85.2
Tinggi	9	11.1
Jumlah	81	100.0

## Tingkah laku Kesediaan Pensyarah Secara Lisan

**Jadual 4:** Taburan peratus, min dan sisihan piawai bagi lima item dengan nilai tertinggi berkaitan tingkah laku kesediaan pensyarah secara lisan

Bil.	Item	Kekerapan (Peratus)					Min	Sisihan piawai
		Tidak pernah	Jarang	Kadang-kadang	Kerap	Sangat kerap		
22.	Pensyarah mengajukan pertanyaan atau menggalak pelajar untuk bercakap	1 (1.2)	9 (11.1)	25 (30.9)	36 (44.4)	10 (12.3)	3.56	0.89
21.	Pensyarah menggunakan contoh peribadi atau pengalaman yang diperolehinya ketika mengajar	4 (4.9)	6 (7.4)	26 (32.1)	36 (44.4)	9 (11.1)	3.49	0.96
26.	Pensyarah merujuk kelas sebagai kelas 'kita' atau apa yang telah 'kita' lakukan	1 (1.2)	11 (13.6)	35 (43.2)	26 (32.1)	8 (9.9)	3.36	0.89
23.	Pensyarah menggunakan jenaka ketika mengajar di dalam kelas	1 (1.2)	14 (17.3)	29 (35.8)	30 (37.0)	7 (8.6)	3.35	0.91
28.	Pensyarah bertanyakan kepada pelajar mengenai tugasan, tarikh hantar atau topik perbincangan	2 (2.5)	11 (13.6)	35 (43.2)	29 (35.8)	4 (4.9)	3.27	0.85

**Jadual 5:** Taburan peratus, min dan sisihan piawai bagi lima item terendah berkaitan tingkah laku kesediaan pensyarah secara lisan

Bil.	Item	Kekerapan (Peratus)					Min	Sisihan piawai
		Tidak pernah	Jarang	Kadang-kadang	Kerap	Sangat kerap		
29.	Pensyarah mengajak pelajar untuk menelefon atau berjumpa di luar waktu kelas sekiranya mempunyai pertanyaan atau ingin berbincang mengenai perkara lain	9 (11.1)	16 (19.8)	32 (39.5)	24 (29.6)	-	2.88	0.97
25.	Pensyarah menyertai perbincangan bersama pelajar sebelum atau selepas kelas	2 (2.5)	22 (27.2)	31 (38.3)	23 (28.4)	3 (3.7)	3.04	0.90
34.	Pensyarah memulakan perbualan dengan pelajar sebelum, selepas atau di luar kelas.	5 (6.2)	15 (18.5)	34 (42.0)	26 (32.1)	1 (1.2)	3.04	0.90
32.	Pensyarah melakukan perbincangan mengenai perkara yang tidak berkaitan dengan kelas bersama pelajar	4 (4.9)	17 (21.0)	34 (42.0)	23 (28.4)	3 (3.7)	3.05	0.92
31.	Pensyarah memberi pujian terhadap kerja, tindakan atau pendapat pelajar	2 (2.5)	19 (23.5)	35 (43.2)	20 (24.7)	5 (6.2)	3.09	0.91



**Jadual 6:** Tahap tingkah laku kesediaan pensyarah secara lisan

Tahap	Kekerapan	Peratus
Rendah	2	2.5
Sederhana	65	80.2
Tinggi	14	17.3
Jumlah	81	100.0

## Perbincangan

### Perhubungan Tingkah laku Kesediaan Pensyarah secara Bukan Lisan dengan Tahap Motivasi Pelajar

Kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara tingkah laku kesediaan pensyarah secara bukan lisan dan tahap motivasi pelajar secara keseluruhan ( $r = 0.249$ ,  $p = 0.025$ ).

Berdasarkan hasil penganalisan data, 85.2 % responden menyatakan bahawa tahap tingkah laku kesediaan pensyarah secara bukan lisan berada pada tahap sederhana. Hanya 11.1 % responden menyatakan berada pada tahap tinggi dan 3.7 % responden menyatakan berada pada tahap rendah. Secara keseluruhan, responden menyatakan bahawa tahap tingkah laku kesediaan pensyarah secara bukan lisan berada pada tahap sederhana, iaitu 3.22.

Hasil penganalisan data juga menunjukkan bahawa 67.9 % responden mempunyai tahap motivasi yang sederhana, 18.5 % responden mempunyai tahap motivasi yang tinggi dan 13.6 % responden mempunyai tahap motivasi yang rendah. Secara keseluruhan, responden menyatakan bahawa tahap motivasi mereka berada pada tahap sederhana, iaitu 3.91. Ini menunjukkan bahawa tahap tingkah laku kesediaan pensyarah secara bukan lisan yang sederhana telah menghasilkan tahap motivasi pelajar yang sederhana.

Oleh kerana keputusan pengujian korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku kesediaan pensyarah secara bukan lisan dan tahap motivasi pelajar. Keputusan pengujian korelasi Pearson juga menunjukkan bahawa kekuatan perhubungan di antara tingkah laku kesediaan pensyarah secara bukan lisan dan tahap motivasi pelajar adalah lemah.

Dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan persamaan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Christophel (1990) di mana tingkah laku kesediaan pengajar secara bukan lisan mempunyai perhubungan dengan tahap motivasi pelajar di dalam kelas. Christophel (1990) dan Richmond (1990) merupakan antara penyelidik yang menyatakan bahawa tingkah laku kesediaan pengajar secara bukan lisan mempunyai hubungan dengan tahap motivasi pelajar.

Pensyarah atau tenaga pengajar yang banyak mengaplikasikan tingkah laku kesediaan bukan lisan dalam pengajaran akan meningkatkan tahap motivasi pelajar dan menggalak pelajar untuk belajar dengan lebih tekun, kerap menghadiri kelas dan seterusnya berkeupayaan untuk belajar dengan lebih banyak (Christophel dan Gorham, 1995).



## **Perhubungan Tingkah laku Kesediaan Pensyarah secara Lisan dengan Tahap Motivasi Pelajar**

Kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tingkah laku kesediaan pensyarah secara lisan dan tahap motivasi pelajar secara keseluruhan ( $r = 0.211$ ,  $p = 0.059$ ).

Berdasarkan hasil penganalisan data, 80.2 % responden menyatakan bahawa tahap tingkah laku kesediaan pensyarah secara bukan lisan berada pada tahap sederhana. Hanya 17.3 % responden menyatakan berada pada tahap tinggi dan 2.5 % responden menyatakan berada pada tahap rendah. Secara keseluruhan, responden menyatakan bahawa tahap tingkah laku kesediaan pensyarah secara bukan lisan berada pada tahap sederhana, iaitu 3.19.

Hasil penganalisan data juga menunjukkan bahawa 67.9 % responden mempunyai tahap motivasi yang sederhana, 18.5 % responden mempunyai tahap motivasi yang tinggi dan 13.6 % responden mempunyai tahap motivasi yang rendah. Secara keseluruhan, responden menyatakan bahawa tahap motivasi mereka berada pada tahap sederhana, iaitu 3.91.

Oleh kerana keputusan pengujian korelasi Pearson menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan, dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku kesediaan pensyarah secara lisan dan tahap motivasi pelajar. Keputusan ujian korelasi juga menunjukkan bahawa kekuatan perhubungan di antara tingkah laku kesediaan pensyarah secara lisan dan tahap motivasi pelajar adalah lemah.

### **Rumusan**

Bahagian ini merumuskan segala hasil dapatan kajian berdasarkan penganalisan data yang telah dilakukan. Rumusan dapatan kajian adalah berdasarkan kepada hasil pengujian hipotesis kajian bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian.

Daripada penganalisan data yang telah dilakukan, dapatan kajian yang diperolehi hasil daripada pengujian hipotesis adalah:

- i. Terdapat perhubungan yang signifikan di antara tingkah laku kesediaan pensyarah secara bukan lisan dan tahap motivasi pelajar.
- ii. Tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara tingkah laku kesediaan pensyarah secara lisan dan tahap motivasi pelajar.
- iii. Tidak terdapat perbezaan tahap motivasi yang signifikan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

### **Rujukan**

- Agus Dollah. (1997). *Motivasi Pencapaian Di Kalangan Pelajar-Pelajar Politeknik Port Dickson: Satu Kajian Kes*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda. Tidak diterbitkan.
- Anderman, L. H. & Anderman, E. M. (1999). Social predictors of changes in students' achievement goal orientations. *Contemporary Psychology*, 25, 21-37.
- Andersen, J. F. (1978). *The relationship between teacher immediacy and teacher effectiveness*. Unpublished doctoral dissertation, West Virginia University, Morgantown.

- Andersen, J. F. (1979). Teacher immediacy as a predictor of teaching effectiveness. Dalam D. Nimmo (Ed.). *Communication Yearbook 3* (pp. 543-559). New Brunswick, NJ: Transaction Books.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan. (2006). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: Teori, Analisis dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Brown, M. (2006). Environmental influences on academic motivation. *Educational Motivation*.
- Chesebro, J. L. (2003). Effects of teacher clarity and nonverbal immediacy on student learning, receiver apprehension, and affect. *Communication Education, 52*, 135-147.
- Christensen, L. J. & Menzel, K. E. (1998). The linear relationship between student reports of teacher immediacy behaviors and perceptions of state motivation, and of cognitive, affective, and behavioral learning. *Communication Education, 47*, 82-90.
- Christophel, D. M. (1990). The relationships among teacher immediacy behaviors, student motivation, and learning. *Communication Education, 39*, 323-341.
- Christophel, D., & Gorham, J. (1995). A test-retest analysis of student motivation, teacher immediacy, and perceived sources of motivation and demotivation in college classes. *Communication Education, 44*, 292-306.
- Crow, L. D. and Crow, L. (1980). *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Frymier, A. B. (1993). The impact of teacher immediacy on students' motivation: Is it the same for all students?. *Communication Quarterly, 41*, 454-464.
- Frymier, A. B. (1994). A model of immediacy in the classroom. *Communication Quarterly, 42*, 133-144.
- Frymier, A. B. & Shulman, G. M. (1995). "What's in it for me?": Increasing content relevance to enhance students' motivation. *Communication Education, 44*, 40-50.
- Gorham, J. (1988). The relationship between verbal teacher immediacy behaviors and student learning. *Communication Education, 37*, 40-53.
- Hootstein, E. W. (1994). Enhancing student motivation: make learning interesting and relevant. *Education, 114*, 475-480.
- Huitt, W. (2001). Motivation to learn: An overview. *Educational Psychology Interactive*.
- Kamarudin Hj. Husin. (1997). *Psikologi Bilik Darjah. Asas Pedagogi*. Edisi Pertama. Cheras: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan. (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kearney, P. (1994). Verbal immediacy behaviors. Dalam R. B. Rubin, P. Palmgreen, & H. E. Sypher (Eds.), *Communication research measures: A sourcebook* (pp. 393- 396). New York: Guilford.